



DASAR KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN

IBU PEJABAT JABATAN PERHUTANAN SEMENANJUNG MALAYSIA

Adalah menjadi dasar **Ibu Pejabat Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia** untuk menyediakan persekitaran kerja yang selamat dan sihat untuk semua pekerjanya dan orang-orang lain yang mungkin terjejas oleh aktiviti-aktiviti yang berkaitan dengan Pengurusan dan Pemeliharaan Hutan.

Pihak pengurusan dan pekerja akan sama-sama berusaha untuk mencapai matlamat dan objektif-objektif dasar ini melalui rundingan dan kerjasama.

Khususnya, dasar Jabatan ialah:

- ❖ Untuk menyedia dan menyenggara sistem kerja yang selamat kepada pekerja dan orang-orang lain yang berada di premis-premis IPJPSM;
- ❖ Untuk bersama mengurus penyenggaraan tempat, kemudahan dan peralatan yang menjamin keselamatan dan kesihatan pekerjaan supaya ia tidak menimbulkan bencana keselamatan dan kesihatan di tempat kerja;
- ❖ Untuk memberi maklumat, arahan, latihan dan penyeliaan kepada semua pekerja mengenai cara untuk menjalankan tugas dengan selamat dan tanpa risiko kepada keselamatan dan kesihatan;
- ❖ Untuk menyiasat dan melaporkan semua kemalangan, penyakit, keracunan dan kejadian berbahaya di premis kerja serta mengambil langkah-langkah untuk memastikan kejadian-kejadian tersebut tidak berulang lagi;
- ❖ Untuk mematuhi kehendak-kehendak perundangan dan lain-lain keperluan mengenai keselamatan dan kesihatan pekerjaan;
- ❖ Menetapkan sasaran objektif keselamatan dan kesihatan pekerjaan dan merancang program-program ke arah pencapaian objektif tersebut;
- ❖ Untuk menyediakan kemudahan-kemudahan kebajikan bagi semua pekerja; dan
- ❖ Untuk mengkaji semula dasar ini dan Sistem Pengurusan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan apabila perlu.

Jabatan yakin bahawa keselamatan dan kesihatan mestilah diintegrasikan ke dalam aktiviti-aktiviti harian kita dan membudayakan cara kerja yang selamat dan sihat adalah faktor utama ke arah mempastikan kejayaan misi Jabatan.

A handwritten signature in black ink, appearing to read "Dato' Mohd Ridza Bin Awang".

DATO' MOHD RIDZA BIN AWANG
KETUA PENGARAH
JABATAN PERHUTANAN SEMENANJUNG MALAYSIA

TARIKH : 10 SEPTEMBER 2019